



TEKS UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**MAJLIS AMANAT TAHUN 2024
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

TARIKH/ MASA:

**5 JANUARI 2024 (JUMAAT)
08.30 PAGI**

TEMPAT:

**DEWAN SRI LESTARI
ARAS B1, KKDW**

Terima kasih saudara/ saudari pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, di atas izin dan limpah kurniaNya juga, maka kita dapat bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Amanat Tahun 2024 peringkat Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2024 kepada seluruh warga KKDW.

2. Banyak kejayaan dicapai pada tahun 2023, iaitu sepanjang setahun pentadbiran Kerajaan Perpaduan MADANI. Pertumbuhan ekonomi empat (4) peratus terus mengukuh, inflasi terkawal pada kadar 1.5 peratus, pengangguran menurun pada kadar 3.4 peratus, pelaburan mengembang manakala pelaksanaan inisiatif kerajaan terus dipergiat, termasuk usaha menaik taraf

pelbagai infrastruktur asas di seluruh negara.

3. Sebagai warga KKDW, kita semua berasa bangga kerana Kementerian ini menjadi antara penyumbang kepada penambahbaikan infrastruktur dan kesejahteraan rakyat khususnya di kawasan perdesaan seperti mana kisah-kisah kejayaan yang telah kita saksikan.
4. Antaranya, kita berjaya memperkasa penghayatan Islam dan ilmu Al-Quran seawal usia melalui Program Pra Tahfiz KEMAS dalam usaha melahirkan seramai 100 ribu huffaz cilik menjelang tahun 2026. Seterusnya memperkasa industri halal negara melalui MARA ‘gate to global’, menyumbang kepada keterjaminan makanan negara melalui pembangunan estet padi oleh FELCRA.
5. Begitu juga dengan pembangunan infrastruktur, antaranya kita telah berjaya mencapai KPI yang telah ditetapkan seperti menyiapkan 1,500 projek akses perhubungan luar bandar berbanding sasaran 1,000 projek dengan kadar pencapaian 150 peratus, menyiapkan 388 projek Ameniti Sosial seperti balai raya, masjid, surau, tandas awam dan sebagainya berbanding sasaran 200 projek dengan kadar pencapaian sebanyak

194 peratus, dan banyak lagi projek-projek KKDW yang telah berjaya mencapai sasaran pada tahun 2023.

6. Inilah kesungguhan kita yang telah kita tonjolkan pada tahun lalu dan Insya-Allah akan dinilai sebagai salah satu ibadah dan memberikan ganjaran pahala buat kita semua.
7. Saya amat mengharapkan momentum ini berterusan pada tahun 2024. Justeru, kita perlu bina kerjasama lebih erat antara warga KKDW, pemegang taruh dan rakyat bagi memastikan sasaran baharu yang ditetapkan pada tahun ini dapat dilaksanakan, selaras agenda Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN PADA TAHUN 2023

Warga KKDW Sekalian,

8. Kerjasama erat antara warga KKDW serta pihak berkepentingan banyak membantu pencapaian memberangsangkan Kementerian ini pada tahun 2023. Secara keseluruhannya prestasi perbelanjaan sehingga

31 Disember 2023 menunjukkan bahawa **Kementerian ini mengoptimumkan peruntukan yang telah diagihkan** yang mana Peruntukan Mengurus dibelanjakan sebanyak 100% dengan nilai RM3.62 bilion manakala Peruntukan Pembangunan dibelanjakan sebanyak 99.38% dengan nilai RM7.37 bilion.

9. **KKDW telah berada di tempat KETIGA di antara Kementerian bagi prestasi perbelanjaan Pembangunan** dan berada di hadapan Purata Nasional yang ditetapkan iaitu 90.29% dan berjaya mendapat **tempat KEDUA bagi Kategori Prestasi Pembangunan Terbaik Di Atas RM1 Bilion bagi Anugerah Pembangunan Negara Tahun 2023** oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri pada 15 November yang lepas. Ini membuktikan kesungguhan kita dalam melaksanakan tanggungjawab supaya rakyat terus mendapat manfaat sewajarnya. Alhamdulilah, tahniah saya ucapkan!

BELANJAWAN 2024

10. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM395.8 bilion pada tahun 2024 untuk perbelanjaan negara. Daripada jumlah tersebut, **KKDW telah diperuntukkan**

sebanyak RM11.55 bilion pada tahun ini dengan pecahan RM4.12 bilion yang merupakan Peruntukan Mengurus dan RM7.44 bilion pula untuk Peruntukan Pembangunan. Peruntukan pada tahun ini adalah 4.7 peratus atau RM513.8 juta lebih tinggi berbanding peruntukan tahun 2023.

11. Berdasarkan kedudukan peruntukan pembangunan yang diterima di antara Kementerian, **KKDW berada di tangga ketiga** selepas Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Kerja Raya (KKR). Saya anggar sebanyak 1,754 projek akan dilaksanakan pada tahun ini dengan pecahan 480 adalah projek baharu dan 1,274 adalah projek sambungan. Ini jelas menunjukkan kepentingan Kementerian ini dalam membantu golongan sasar secara optimum melalui projek-projek yang telah diluluskan dan pelaksanaannya mesti digerakkan dengan seberapa segera.

ASPIRASI DESA MADANI

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Pada tahun 2023, saya telah melontar dasar **Aspirasi Desa Makmur** bagi KKDW memastikan pengupayaan

DESA secara radikal berdasarkan empat (4) imperatif utama yang terkandung dalam istilah DESA itu sendiri.

13. Tahun ini, kita akan memperkenalkan 4 imperatif baharu sebagai pemangkin gerak kerja. **Aspirasi Desa MADANI** akan menjadi asas setiap langkah yang bakal dicerakinkan sepanjang tahun 2024 dengan empat (4) teras utama berpaksikan akronim KKDW merangkumi:
 - i. (K) Kemahiran dan pengetahuan
 - ii. (K) Keberkesanan dan kecekapan
 - iii. (D) Data dan Digital
 - iv. (W) Wow-Factor
14. Teras pertama menuntut setiap gerak kerja yang dilakukan perlu disulami dengan **Kemahiran dan Pengetahuan**. *We need to be the subject matter expert.* Ya, kita tahu Kementerian ini bertanggungjawab terhadap kemajuan masyarakat desa. Untuk itu, warga KKDW mesti memiliki tahap kefahaman dan pengetahuan serta kemahiran dalam segala isu berkaitan kemajuan desa.
15. Pengurusan pengetahuan (*knowledge management*) penting dalam kita menyusun dan menganalisa

keberkesanan projek atau program dilaksanakan. Bahagian Komuniti Desa contohnya, perlu arif tentang pembangunan modal insan dalam membina masyarakat desa yang lestari.

16. Kemahiran dan pengetahuan yang wujud tidak boleh stagnasi dan perlu sentiasa diganduh bagi memberikan impak bukan sahaja kepada organisasi tetapi masyarakat desa sejajar dengan objektif serta sasaran Kementerian.
17. Justeru, saya mahukan KKDW memantapkan lagi kemahiran dan pengetahuan yang ada agar kita semua mampu bertindak balas dengan cepat terhadap perubahan keadaan pasaran, menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan seterusnya meningkatkan inovasi serta kecekapan gerak kerja kita.
18. Kedua, dalam kita memperkuuh operasi Kementerian, warga KKDW perlulah memastikan **Keberkesanan** dan **Kecekapan** terhadap apa yang kita ingin laksanakan. Keberkesanan memberi erti mengoptimumkan semua sumber yang ada bagi mendapatkan hasil yang terbaik dalam mencapai unjuran yang ditetapkan. Kecekapan

pula dinilai melalui pengurusan organisasi yang menggunakan semua input secara efisien bagi menghasilkan output yang berkesan.

19. Justeru, apabila kedua-dua elemen ini disantuni dan disusuli dengan penanda aras yang tepat, hasilnya pasti lebih baik serta bersesuaian seperti mana dimahukan rakyat.
20. Ketiga adalah **Data** dan **Digital**. Perkara ini saya tekankan kembali kerana dalam kita menelurusi kemajuan teknologi dan revolusi industri 4.0, kita mestilah mengadaptasi kedua-dua elemen ini. Pemantapan pengurusan data adalah amat penting bagi kita mengiktiraf, mencerap dan menelurusi data terkini serta menetapkan budaya pengurusan data dalam melaksanakan program, dasar dan projek di Kementerian ini. Lihat saja misi YAB Perdana Menteri dalam peluncuran PADU untuk mengordinasikan data rakyat merentasi Kementerian.
21. Kapasiti dan kemahiran digital juga tidak boleh dipandang ringan walaupun kita menguruskan masyarakat desa. Harus diingat, masyarakat desa semakin cakna dengan perkembangan teknologi dan

tidak mahu ketinggalan. Contoh paling mudah ialah penggunaan kaedah imbasan kod atau QR Code dalam urusan jual beli, waima menjual nasi kerabu atau air tebu di tepi jalan. Oleh itu, perkembangan teknologi dan inovasi digital yang pantas menuntut kita untuk mengaplikasikannya dalam usaha menambahbaik kualiti hidup dan meningkatkan ekonomi masyarakat desa.

22. Pendigitalan berpotensi untuk membawa industri perdesaan kita ke pasaran global dan mampu meningkatkan pendapatan bagi komuniti desa yang mungkin dari mata kita kecil tetapi berbekalkan platform digital, perusahaan seperti ini juga mampu menawan pasaran dunia.
23. Akhir sekali, elemen **Wow-Factor** perlu wujud dalam semua gerak kerja yang kita lakukan. Kita berada di dalam fasa untuk mencipta sesuatu di luar kebiasaan. Kita tidak boleh selesa dengan yang rutin dan perlu bingkas keluar dari kepompong keselesaan. Kita perlulah mempunyai iltizam dan semangat juang untuk mencabar keyakinan diri kita bagi memberikan terbaik daripada amanah yang dianugerahkan.

24. Saya yakin ada antara anda menghantar anak-anak ke Tadika KEMAS. Siapa sangka, Tadika KEMAS selepas ini akan melahirkan sekurang-kurangnya 100,000 orang huffaz cilik menjelang 2026. Ya, ‘100,000 huffaz cilik’ secara tidak langsung mewujudkan wow-factor bagi inisiatif ini, bukan sekadar wow pada angkanya sahaja, tetapi lebih ‘wow’ lagi apabila kita mampu merealisasikannya.
25. Percayalah apa juu yang kita lakukan mampu digarap dan menjadikannya wow-factor - sekiranya kita dapat betul-betul memahami dan berani keluar daripada kebiasaan. *You will never know your limits until you push yourself to them. Do it. Push yourself to be better than ever!*
26. Jadi teras-teras ini saya lontarkan kepada warga KKDW semua untuk digunakan dalam kita bersama menjadikan tahun ini lebih baik dari tahun sebelumnya. **DESA MADANI** akan menjadi satu agenda baharu Kementerian sebagai kesinambungan daripada gagasan **Malaysia MADANI** oleh YAB Perdana Menteri.

HALUAN BAHARU KKDW

Warga KKDW yang saya kasihi sekalian,

27. Pada tahun ini juga, saya telah melihat **banyak potensi baharu yang boleh dijuarai oleh KKDW** dalam usaha untuk mengangkat dan memartabatkan warga perdesaan keseluruhannya selaras dengan misi dan visi Kementerian.
28. Dalam usaha menyuntik semangat baharu, kita akan mengadakan Program Pemukiman Khas bagi menetapkan Haluan Baharu KKDW pada tahun 2024 ini.
29. Kita juga akan mengadakan **Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB)** anjuran bersama MARA serta Kementerian Ekonomi bagi menetapkan hala tuju dan pendekatan baharu agenda Bumiputera.
30. Saya juga dimaklumkan akan berlangsungnya **Mesyuarat Technical Committee (Peringkat Pegawai) Centre On Integrated Rural Development For Asia And The Pacific (CIRDAP)** yang terdiri daripada 14 buah negara termasuk India, Pakistan, Fiji, Afghanistan, Bangladesh, Vietnam dan Filipina bagi membincangkan

mengenai program dan halatuju CIRDAP tahun 2025.

31. Susulan program tersebut, saya ingin melontarkan beberapa pendekatan dan sasaran yang boleh dijadikan sebagai program *game-changer* dan berimpak tinggi untuk diperhalusi serta dibincangkan bersama antaranya:
- i. Pertama - **Desa to Global (D2G)**: ia bermatlamat mengangkat potensi produk dan perkhidmatan usahawan desa untuk dipasarkan bukan sahaja di dalam negara, tetapi juga luar negara;
 - ii. Kedua - **Profit Center Thinking**: Melaksanakan sesuatu yang mempunyai matlamat yang boleh membawa pulangan kewangan secara langsung mahupun tidak langsung beserta pendekatan ‘low cost, high profit’. Ia juga perlu disusuli dengan The Customer Satisfaction Index (CSI) atau Indeks Kepuasan Pelanggan untuk mengukur tahap kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan ditawarkan.
 - iii. Ketiga - **After Sales Service**: Saya mahu setiap inisiatif Kementerian yang telah disalurkan kepada golongan sasar seperti bantuan infrastruktur,

latihan, perniagaan dan sebagainya dipantau secara berterusan bagi memastikan rakyat benar-benar merasai bantuan yang disediakan.

- iv. Keempat - **Success Story on TVET**: Memberikan liputan yang sewajarnya dalam menguar-uarkan keberkesanan pendidikan TVET dalam melahirkan tenaga mahir negara yang berkualiti dalam pelbagai lapangan bidang. Kita maklum persepsi TVET sebagai bidang pengajian kelas kedua masih wujud. Justeru, perkongsian kisah kecemerlangan TVET dapat memangkin agenda ini untuk diterima rakyat khususnya buat belia di desa; dan
- v. Kelima - **Halal to Global (H2G)**: Saya mahu melihat usaha Malaysia menjadi hub utama industri halal dunia diperkasakan melalui pembangunan produk halal global yang diterajui oleh usahawan tempatan terutamanya oleh para usahawan di perdesaan.

PENUTUP

Warga KKDW sekalian,

- 32. Kesemua agenda yang dirancang tidak bermakna jika

pelaksanaannya tidak disambut oleh seluruh warga KKDw. Usaha yang kita lakukan mudah hanyut dilupakan sekiranya tiada hebahan susulan – jangan kata orang luar untuk membicarakannya, jika pemegang taruh sendiri tidak mempromosikannya, bagaimana rakyat di luar sana boleh benar-benar memahaminya. Betul?

33. *So everyone has to communicate.* Elemen media dan komunikasi perlu ada di dalam agenda setiap agensi dan bahagian-bahagian. Dampingi setiap platform media sebagai rakan yang boleh membantu dalam memanjangkan kisah kejayaan setiap agensi KKDw. Sayang sekali jika kita melaksanakan pelbagai program dan projek terbaik demi kesejahteraan rakyat tetapi hanya kita yang tahu mengenainya.
34. Jadi kepada seluruh warga KKDw, dengan apa yang telah kita kecapi pada tahun 2023, saya meletakkan keyakinan sepenuhnya kepada seluruh warga KKDw bahawa kita akan berjaya mengharungi apa jua cabaran yang ada dan memberikan yang terbaik untuk memastikan agenda pembangunan desa akan terus dapat dilaksanakan.
35. Namun, janganlah kita terpukau dan terbuai oleh

kejayaan-kejayaan lalu, sekiranya terpukau, kita akan terlena. Kita mesti bekerja lebih kuat dan gigih di tahun 2024 dan kita perlu terus mula dengan Gear 5.

36. Kita perlu mendepani apa juga cabaran dan bertindak dengan pro-aktif bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan berkesan.
37. Kerana itu di dalam kita memberikan perkhidmatan kepada rakyat, kita hendaklah pastikan sentiasa ada penambahbaikan sama ada dari segi sistem, peraturan, proses kerja, serta penghasilannya agar ia benar-benar memberi manfaat kepada rakyat. Marilah kita contohi YAB Perdana Menteri, apabila ditanya tentang pencapaian yang cemerlang, maka beliau menjawab “there is always a room for improvement”.
38. Ingatlah! **Tugas kita bukan mudah, kita akan sentiasa dipantau, diperhatikan dan diadili rakyat atas kebolehan kita melaksanakan tugas dan amanah.** Namun, perkara ini perlu kita lihat secara positif agar setiap tugasan yang dipertanggungjawabkan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.
39. Akhir kata dari saya, laksanakanlah amanah dengan

penuh kesungguhan dan keikhlasan. Mudah-mudahan projek dan program yang dirancang dapat memacu pertumbuhan ekonomi demi kesejahteraan dan kemakmuran negara yang tercinta.

Sekian, terima kasih.